

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

OPR dijangka kekal 2.75 peratus



BNM dijangka memerlukan lebih masa untuk menilai kesan daripada kenalkan OPR sebanyak empat kali berturut-turut tahun lalu kepada ekonomi negara. - GAMBAR HIASAN

OPR dijangka kekal 2.75 peratus

PETALING JAYA — Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengkekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada paras 2.75 peratus susulan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM pada Rabu dan Khamis ini.

Ketua Ekonomi & Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, pihaknya

berpendangan BNM ingin memantau situasi ekonomi negara terlebih dahulu berikutan ketidaktentuan prospek ekonomi global serta melihat kesan daripada kenalkan OPR tahun lalu kepada ekonomi.

"Secara umumnya, ekonomi Malaysia telah pun mencatatkan pertumbuhan yang tinggi tahun lalu iaitu 8.7 peratus, manakala pasaran buruh juga dilihat se-

makin stabil dengan kadar peningguran terus merosot kepada 3.6 peratus pada Disember lalu berbanding 4.2 peratus pada Januari 2022.

"Justeru, kemungkinan OPR bakal dinaikkan pada tahun ini sememangnya ada sekitar 25 mata asas, selebihnya bergantung kepada momentum pertumbuhan ekonomi," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

BNM dijadualkan mengeluarkan Pernyataan Dasar Monetari Ke-2/2023 pada Khamis dan menurut Mohd. Afzanizam, kadar OPR yang normal adalah sekitar tiga hingga 3.25 peratus.

Beliau menjelaskan, satu perkara yang perlu difahami ialah apabila OPR dinaikkan, ini bermakna BNM sedang membina ruang dasar, atau policy space untuk mereka bertindak pada

masa akan datang.

"Ini terutama apabila terdapatnya kebimbangan kelembapan ekonomi global tahun ini."

"Selain itu, OPR ini tidak bersifat statik dan ia berubah mengikut suasana ekonomi. OPR akan naik apabila ekonomi mula pulih dan turun apabila pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) jadi lembap," katanya.